

**Tun Mahathir harap media tegur Belanjawan 2019 jika ada kekhilafan
Astro Awani
2 November 2018
Firdaus Azil,**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berharap agar pihak media dapat menegur kerajaan sekiranya terdapat sebarang perkara yang kurang jelas berhubung Belanjawan 2019 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, pihak kerajaan, bersedia untuk menjawab segala teguran serta membuat penjelasan terhadap media dan rakyat bagi memastikan aspirasi belanjawan itu dapat difahami semua pihak.

“Saya harap pihak press akan buat analisa, dan membuat apa apa, teguran kepada kami kerana kami bersedia untuk menjawab segala teguran yang akan dibuat, penjelasan yang akan dibuat jika tidak ada.

Jiika ada sesuatu yang belum jelas, belum *clear, we are prepared to answer,*” katanya kepada sidang media, selepas berakhirnya pembentangan belanjawan oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Kementerian Kewangan kini mempunyai tugas yang lebih mencabar, iaitu membuat penerangan berterusan khususnya kepada pelabur asing supaya mereka dapat memberi sentimen positif terhadap usaha negara mengawal fiskal.

“Menteri Kewangan mempunyai tugas penting untuk memberi maklumat atau penjelasan secara lebih terperinci, terutamanya kepada *market forces*, kerana reaksi mereka menjadi perkara yang penting, jika tepat.

“Sebab itu Menteri Kewangan, dan juga pegawai pegawai lain termasuk Bank Negara dan kementerian kewangan, pegawai-pegawai dan anggota kerajaan sendiri akan membuat penjelasan berkenaan dengan bidang tugas mereka,” kata Perdana Menteri lagi.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tun-mahathir-harap-media-tegur-belanjawan-2019-jika-ada-kekhilafan-190077>